

27 JUN 2001

MATTHIAS CHANG SETIAUSAHA POLITIK BARU PM

PUTRAJAYA, 27 Jun (Bernama) -- Seorang peguam, Matthias Chang Wen Chieh, hari ini mengangkat sumpah sebagai Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir Mohamad.

Chang, 51, merupakan orang bukan Melayu pertama dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri.

Beliau mengangkat sumpah memegang jawatan dan menyimpan rahsia di hadapan Dr Mahathir di pejabatnya di sini dalam upacara ringkas yang turut disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Turut mengangkat sumpah ialah Reezal Merican Naina Merican, 28, yang dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Reezal, yang berkelulusan dalam pengajian bahasa Arab dan Sastera dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), ialah Anggota Jawatankuasa Pemuda Umno Kepala Batas serta Naib Pengerusi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Pulau Pinang dan Anggota Exco GPMS peringkat kebangsaan.

Beliau berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepada golongan muda seperti beliau untuk memegang jawatan penting dalam kerajaan.

-- BERNAMA  
AKT AHH NMO